

21 MAY 1999

PERLETAKAN JAWATAN TOK MAT TAK JEJAS UMNO JOHOR, KATA SYED HAMID

KUALA LUMPUR, 21 Mei (Bernama) -- Perletakan jawatan Datuk Mohamed Rahmat sebagai Menteri Penerangan tidak menjejaskan Umno Johor walaupun negeri itu kini kehilangan satu jawatan menteri yang diwakili anggota Parlimen Pulaui itu, kata Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Katanya ini kerana para pemimpin Umno termasuk di Johor memahami bahawa perlantikan Mohamed bukanlah atas dasar beliau dari Johor tetapi kerana beliau boleh bekerja dan memberi sumbangan menurut pandangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Tak ada istilah kuota mengikut negeri... tetapi perlantikan oleh Perdana Menteri itu berdasarkan penilaian mendalam beliau (PM) sendiri mengenai siapa yang diyakini boleh memberi sumbangan," katanya kepada pemberita ketika diminta mengulas perletakan jawatan Mohamed.

Syed Hamid berkata semua ahli politik menerima hakikat bahawa perpaduan parti mengatasi semua kepentingan lain dan pemimpin boleh datang dan pergi.

"Ia adalah pasukan beliau (Dr Mahathir's) ... siapa dia mahu dan tidak semestinya mengikut negeri," katanya, sambil menambah bahawa Mohamed merupakan pemimpin yang sudah banyak berjasa kepada parti dan negara.

-- BERNAMA

MNY LAT